

CNS8870

U GB 22-07 00198 BA889

aab

Mahathir - Kampung

BUDAYA KAMPUNG AKAN TERUS DIKREKATKAN SEBAGAI TERAS MASYARAKAT MAJU

TAPAH, 22 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan terus mempertahankan budaya kampung yang baik sebagai teras pembinaan bangsa Malaysia yang maju dan bermoral menjelang tahun 2020, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini.

Perdana Menteri berkata, budaya kampung yang mengutamakan konsep kejiwaan dan kekeluargaan yang hidup secara bermoral dan mengamalkan ajaran agama serta memelihara hubungan baik sesama anggota masyarakat, hendaklah dipertahankan.

Konsep negara maju yang ingin diwujudkan di negara ini ialah melahirkan rakyat yang berkebolehan, berpengetahuan, berkemampuan untuk bersaing dalam apa saja bidang, cekap bekerja, di samping terus mempertahankan nilai hidup bermoral, katanya ketika merasmikan Program Kampungku di Batu Tiga Jalan Pahang di sini.

Beliau berkata dalam usaha membentuk sebuah negara maju Malaysia tidak dapat lari daripada menghadapi masalah penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar berikutan perkembangan ekonomi tetapi kehidupan di bandar harus terus mempertahankan nilai budaya kampung.

Dr Mahathir berkata, kerajaan melihat kemajuan yang ingin dibawa pada tahun 2020 sebagai satu usaha untuk mewujudkan satu bangsa yang maju yang boleh bersaing dengan bangsa lain dan sanggup menghadapi cabaran. -- Lagi.

U 22/07/12-26MST

CNS8921

U GB 22-07 00070 BA905

aab

Mahathir - Kampung 2 Tapah

Rakyat telah membuktikan bahawa mereka mampu bersaing dengan negara-negara lain bahkan dengan negara maju seperti Amerika dan Jepun, dalam bidang yang canggih seperti pembuatan kereta.

"Keadaan ini perlu diteruskan dengan menam sikap mahu meningkatkan kemampuan diri dan sanggup menghadapi cabaran, sanggup belajar serta tekun dan tidak patah semangat untuk mengatasi segala rintangan. -- Lagi.

U 22/07/13-38MST

CNS9036

U GB 22-07 00151 BA925

aab

Mahathir - Kampung 3 Tapah

Beliau berkata Malaysia akan mengalami perubahan pesat dalam tempoh 30 tahun melibatkan penghijrahan penduduk ke bandar dan mewujudkan masyarakat yang mengamalkan budaya bandar dan mula meninggalkan budaya kampung.

Menurutnya budaya bandar mempunyai lebih banyak keburukan daripada kebaikan seperti tidak ada perhubungan antara jiran dan jiran tetangga tidak mengenali antara satu sama lain.

Dj Mahathir berkata kerajaan memperkenalkan program Kampungku bagi menyemai budaya kampung kepada penduduk yang berhijrah ke bandar.

Kerajaan tidak mahu wujud masyarakat bandar yang tidak lagi menghormati sistem kekeluargaan dan hidup tanpa nikah, mengabaikan institusi perkahwinan, kejiwaan, moral serta tidak lagi mengamalkan ajaran agama seperti yang berlaku di negara barat.

Menurutnya gejala seperti itu yang kini berleluasa, menyebabkan masyarakat barat sedang menuju kehancuran.

"Kita tidak mahu fenomena ini wujud di negara ini setelah kita menjadi negara maju," katanya. -- lagi.

♥22/07/16-04MST

CNS9047

U GB 22-07 00156 BA926

aab

Mahathir - Kampung 4 Tapah

Katanya masyarakat negara maju telah hilang pedoman semata-mata kerana mengejar keseronokan. Mereka berhijrah ke bandar untuk mencari duit semata-mata untuk berseronok dan tidak mahu terikat dengan tanggungjawab.

Dr Mahathir berkata Malaysia boleh menerokai bidang-bidang yang canggih jika rakyat mahu meningkatkan keupayaan dan menghapuskan sifat kehinaan dalam diri.

Katanya jika rakyat mempunyai keyakinan diri, minat yang mendalam dan kebolehan bangsa Malaysia akan dapat bersaing dengan bangsa lain yang telah maju tanpa menyingkirkan budaya kampung.

Beliau berkata program Kampungku merupakan usaha kerajaan untuk memastikan rakyat tidak lupa daratan apabila telah maju.

Sebelum itu ketibaan Perdana Menteri di tapak pelancaran Kampungku Batu Tiga, Jalan Pahang di sini diberi sambutan secara tradisional. Kira-kira 20,000 orang berada di tapak itu untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri diiringi oleh 500 motosikal yang ditunggang oleh anggota parti komponen Barisan Nasional dari Padang Majlis Daerah. -- Lagi.

▼22/07/16-18MST

CNS9049

U GB 22-07 00105 BA927

aab

Mahathir - Kampung 5 (Akhir) Tapah

Semasa perasmian Dr Mahathir telah memukul kerantung, sejenis alat tradisi daripada kayu yang ditebuk, yang biasanya digunakan untuk memberitahu masuk waktu sembahyang.

Semasa melawat ke gerai pameran selepas itu Dr Mahathir telah diberi pernghormatan merawat dua pesakit terdiri daripada penduduk Kampung Batu Tiga Jalan Pahang.

Selepas itu beliau merasmikan Taman Persinggahan Karavan, Kuala Woh dan melawat perkampungan Orang Asli Kuala Woh.

Aturcara terakhir Perdana Menteri sempena lawatan dua hari ke Perak ialah melawat Lembuh raya Utara-Selatan dan Gua Tempurung dekat sini. -- Bernama.

MUS JO NMO.